



23 Oktober 2025  
23 October 2025  
P.U. (A) 370

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN  
(PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI  
DAN DUTI SETEM) (PERBADANAN PERUMAHAN  
RAKYAT 1MALAYSIA) 2025

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)  
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)  
(PERUMAHAN RAKYAT 1MALAYSIA CORPORATION)  
ORDER 2025*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (PERBADANAN PERUMAHAN RAKYAT 1MALAYSIA) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia) 2025**.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“jaminan” ertinya jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan Program Sukuk Murabahah;

“Program Sukuk Murabahah” ertinya Nota Jangka Sederhana Islam yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia menurut Program Sukuk Murabahah dengan nilai nominal agregat tidak melebihi lima ratus tiga belas juta enam ratus ribu ringgit (RM513,600,000.00).

**Peremitan cukai**

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] oleh—

(a) Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia atau mana-mana pemegang Program Sukuk Murabahah atau mana-mana pihak lain berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program Sukuk Murabahah dan jaminan; atau

- (b) mana-mana orang yang perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program Sukuk Murabahah dipindahkan atau diserahkan,

hendaklah diremitkan sepenuhnya.

**Peremitan duti setem**

4. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program Sukuk Murabahah dan jaminan hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Dibuat 17 Oktober 2025

[MOF.SID(S)700-14/2/17 JLD.8 (14); PN(PU2)232/JLD.19]

ANWAR BIN IBRAHIM  
*Menteri Kewangan*

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) ACT 1965

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)  
(PERUMAHAN RAKYAT 1MALAYSIA CORPORATION) ORDER 2025

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 [*Act 96*], the Minister makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **Loans Guarantee (Bodies Corporate) (Remission of Tax and Stamp Duty) (Perumahan Rakyat 1Malaysia Corporation) Order 2025**.

**Interpretation**

2. In this Order—

“guarantee” means the guarantee given or to be given by the Government of Malaysia in relation to the Sukuk Murabahah Programme;

“Sukuk Murabahah Programme” means the Islamic Medium Term Notes issued or to be issued by the Perumahan Rakyat 1Malaysia Corporation pursuant to the Sukuk Murabahah Programme with an aggregate nominal value not exceeding five hundred thirteen million and six hundred thousand ringgit (RM513,600,000.00).

**Remission of tax**

3. Any tax payable under the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] by—

(a) the Perumahan Rakyat 1Malaysia Corporation or any holder of the Sukuk Murabahah Programme or any other party in respect of any money payable under any agreement, note, instrument and document in relation to the Sukuk Murabahah Programme and the guarantee; or

(b) any party to whom the agreement, note, instrument and document in relation to the Sukuk Murabahah Programme is transferred or assigned,

shall be remitted in full.

**Remission of stamp duty**

4. Any stamp duty payable under the Stamp Act 1949 [*Act 378*] in respect of any agreement, note, instrument and document in relation to the Sukuk Murabahah Programme and the guarantee shall be remitted in full.

Made 17 October 2025

[MOF.SID(S)700-14/2/17 JLD.8 (14); PN(PU2)232/JLD.19]

ANWAR BIN IBRAHIM  
*Finance Minister*